

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	6/11/2019	MUKA SURAT : 30
JABATAN	:	JPSM	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# 13 ditahan kes ceroboh hutan

**Operasi dijalankan  
JPN sepanjang  
Januari hingga  
Oktober lalu**

NIK AMIRUL MU' MIN NIK MIN

**KUANTAN**

**S**eramai 13 individu termasuk pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan atas pelbagai kesalahan melibatkan penguatkuasaan perhutanan dengan membabitkan bayaran denda dan penalti sebanyak RM762,856 di Pahang sepanjang Januari hingga Oktober lalu. Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail ber-

kata, hasil lima operasi dijalankan melibatkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPN) secara bersepadu dengan pelbagai agensi itu turut menyita pelbagai peralatan dan jentera.

Menurutnya, antara operasi dijalankan termasuk Ops Tanglung pada 29 hingga 31 Januari lalu dengan lima individu ditahan dan seorang dituduh di mahkamah manakala empat lagi masih dalam proses siasatan. "Beberapa peralatan termasuk sebuah mesin gergaji, sebuah lori dan forklift telah dirampas dan disita.



**WAN ROSDY**

"Selain itu turut dilauncarkan Ops Lombong 4.0 pada 1 hingga 4 April lalu di daerah Lipis dengan tujuh PATI ditahan, 18 peralatan melombong dan 12 jentera disita," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. Katanya, Ops Tebas turut dilakukan melibatkan tanaman sawit yang ditanam secara haram dimusnahkan di dalam Hutan Simpan Lesong, Ops Ronda melibatkan pemeriksaan ke atas 75 lori balak dan Ops Lombong di bawah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) pada 20 September lalu di Lipis melibatkan

kan penahanan seorang individu dengan empat lori dan sebuah jengkaut serta pelbagai peralatan melombong disita. "Sejak tahun 2018 sehingga Oktober lepas, JPN telah membawa sambilan kes kesalahan hutan untuk pertuduhan di mahkamah dan menangani kesemua kes tersebut melibatkan individu yang diatuhkan hukuman denda dan penjara," katanya. Dalam perkenbangan berasingan, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri bersetuju mewartakan kawasan seluas 4,497.25 hektar di sekitar Tasik Chini sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK). "Seluas 2,289.62 hektar kawasan hutan di Cameron Highlands pula dipersetujui untuk diwartakan sebagai Hutan Taman Negeri mengikut Seksyen 10(1) Akta

Perhutanan Negara 1984, sekali gus menjadikannya sebagai hutan taman negeri kedua terbesar di negeri ini selepas Hutan Simpan Taman Negeri Endau Rompin berkeluasan kira-kira 31,797 hektar yang diwartakan sejak 2000. "Melalui mesyuarat sama, kerajaan negeri juga bersetuju mewartakan seluas 2.3 hektar dalam kompartmen 2, Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan yang telah dibangunkan untuk tujuan ekopelancongan dikenali sebagai Mossy Forest di Cameron Highlands, sebagai Hutan Terbuka mengikut Seksyen 45 Akta Perhutanan Negara 1984," katanya. Beliau berkata, pengisytiharan sebagai Hutan Terbuka bertujuan menggalakan perkembangan sektor pelancongan di negeri itu.